



KEMENTERIAN KERJA RAYA

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB DATO' SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA
MAJLIS ANUGERAH KEJURUTERAAN DAN
PENGHARGAAN LEMBAGA JURUTERA
MALAYSIA (LJM) 2026.

23 OGOS 2026 (AHAD)
ROYALE CHULAN KUALA LUMPUR

PENDAHULUAN

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Segulai Sejalai.

1. Syukur kepada Tuhan kerana pada hari yang bermakna ini, kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Anugerah Kejuruteraan dan Penghargaan Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) 2026. Saya amat berbesar hati dapat bersama para penerima anugerah, tokoh dan profesional kejuruteraan yang banyak berjasa kepada profesion dan negara.
2. Majlis ini bukan sekadar meraikan pencapaian, tetapi menghargai sumbangan, kepimpinan dan legasi yang telah dibina oleh komuniti kejuruteraan dalam memartabatkan profesion serta menyumbang kepada pembangunan negara.

BUKAN SEKADAR ANUGERAH, TETAPI SEBUAH LEGASI

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima anugerah. Pengiktirafan pada malam ini merupakan penghargaan terhadap pencapaian, dedikasi dan komitmen yang telah dicurahkan sepanjang perjalanan dalam profesion kejuruteraan.
4. Kejayaan seseorang bukan sahaja diukur melalui apa yang telah dicapai, tetapi juga melalui apa yang ditinggalkan kepada generasi seterusnya. Kepada jurutera yang berpengalaman, turunkan ilmu,

kongsikan pengalaman, bimbing generasi muda dan buka jalan untuk mereka berkembang. Itulah legasi sebenar.

KEJURUTERAAN: NADI KEMAJUAN NEGARA

Hadirin sekalian,

5. Komuniti kejuruteraan memainkan peranan yang sangat besar dalam pembangunan negara. Infrastruktur, bangunan, sistem kehidupan harian dan teknologi yang menggerakkan industri semuanya mempunyai sentuhan serta sumbangan jurutera.
6. Namun, banyak sumbangan ini tidak diketahui masyarakat. Justeru, jangan hanya lakukan kerja yang baik, tetapi ceritakan juga kerja baik yang kita lakukan. Ketengahkan inovasi, penyelesaian dan manfaat projek kejuruteraan kepada rakyat supaya masyarakat lebih memahami nilai profesion ini.
7. Kita mahu anak-anak muda melihat kejuruteraan sebagai profesion yang menarik dan mempunyai masa depan. Pada masa yang sama, kita mahu dunia melihat bahawa Malaysia mempunyai kepakaran kejuruteraan yang berkualiti dan mampu bersaing.
8. Kita sudah mempunyai kepakaran dan pengalaman. Kini, kita perlu lebih berani membawa perkhidmatan profesional kejuruteraan Malaysia ke pasaran antarabangsa. ASEAN, Asia, Timur Tengah dan pasaran dunia perlu dilihat sebagai ruang pertumbuhan kepada kepakaran kejuruteraan negara.

BEM YOUNG ENGINEERING INNOVATION TROPHY 2026

Hadirin sekalian,

9. Masa depan profesion kejuruteraan bergantung kepada keupayaan kita melahirkan generasi yang bukan sahaja kukuh dari segi ilmu dan kemahiran, tetapi berani mencabar kebiasaan, menghasilkan penyelesaian baharu serta memahami tanggungjawab kepada masyarakat dan negara.
10. Saya menyambut baik usaha LJM memperkenalkan BEM Young Engineering Innovation Trophy 2026, sebagai platform kebangsaan untuk pelajar dan graduan baharu mengetengahkan Projek Tahun Akhir (FYP) dan Projek Reka Bentuk Bersepadu (IDP) kepada industri. Pertandingan ini melibatkan 29 peserta dalam tiga kategori, iaitu Ijazah Kejuruteraan, Ijazah Teknologi Kejuruteraan dan Diploma Kejuruteraan.
11. Pertandingan ini bukan sekadar mencari idea terbaik, tetapi memberi peluang kepada peserta membuktikan bahawa ilmu kejuruteraan boleh diterjemahkan kepada penyelesaian sebenar. Mereka juga perlu belajar menerima kritikan kerana idea yang baik ialah idea yang mampu diuji, diperbaiki dan akhirnya menghasilkan penyelesaian yang selamat, praktikal dan mampan.

MELANGKAH DENGAN TANGGUNGJAWAB

Hadirin yang saya hormati,

12. Ada tiga perkara yang ingin saya tekankan. Pertama, kepada LJM, jadilah *enabler* atau pemudah cara, pembuka peluang dan

penggerak kemajuan. Jika ada halangan, bantu cari jalan. Jika ada peluang, buka ruang. Jika ada potensi, bantu ia berkembang. Sebagai agensi yang membawa amanah kerajaan, ukuran kita mestilah pada impak.

13. Kedua, kepada komuniti kejuruteraan yang berpengalaman, berikan generasi baharu kepercayaan, bimbingan dan ruang untuk mencuba. Ketiga, kepada industri, kawalan kos dan keuntungan memang penting, tetapi jangan sekali-kali berkompromi dalam soal keselamatan. Kos boleh dikira, tetapi nyawa dan keselamatan manusia tidak boleh diletakkan harga.
14. Apabila pemudahcaraan, pembangunan bakat dan keselamatan bergerak seiring, kita akan membentuk ekosistem kejuruteraan yang lebih dinamik, berintegriti dan berdaya tahan. Ekosistem inilah yang akan menyokong kemajuan negara serta memastikan profesion kejuruteraan terus relevan untuk generasi akan datang.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati

15. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada LJM atas penganjuran majlis ini dan kepada semua penerima anugerah. Jadikan malam ini bukan sekadar detik menerima pengiktirafan, tetapi titik untuk terus menjadi contoh, membina legasi dan mengetengahkan kisah kejayaan profesion kejuruteraan kepada masyarakat. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Anugerah Kejuruteraan dan Penghargaan Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) 2026. Sekian, terima kasih.